

**IMPORTANCE OF GAZETTEMENT OF FATWA IN THE ENFORCEMENT OF SYARIAH CRIMINAL LAW IN MALAYSIA: AN ANALYSIS**

**KEPENTINGAN PEWARTAAN FATWA DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENYAH SYARIAH DI MALAYSIA: SATU ANALISIS**

Suhaizad Saifuddin <sup>i</sup>, Mohd Kamel Mat Salleh <sup>ii</sup>, Hanifah Haydar Ali Tajuddin <sup>iii</sup> & Mohamad Azhan Yahya

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). suhaizad@ukm.edu.my  
<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. mohdkamel@uitm.edu.my  
<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). hanifahhaydar@ukm.edu.my  
<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). azhan@ukm.edu.my

Received: 10 November 2023

*Article Progress*  
Revised: 15 February 2024

Accepted: 25 June 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>Fatwa is a notification on questions about Islamic law issued by a Mufti as clarification to the members of the community. In enforcing Syariah criminal law in Malaysia, there are offences that are closely related to gazetted fatwas, for example offences relating to belief (aqidah). However, there are violations of such offences that could not be enforced due to the absence of gazetted fatwas. The absence of such fatwas does not only affect the enforcement of Syariah criminal offences, but it also causes negative implication on the community as there is no legal action that could be taken against such crime. This writing aims to identify the role of fatwas as instrument to enforce Syariah criminal offences in Malaysia and the importance of its gazettement. In addition, it also aims to analyse from the legal and the decided cases aspects, then it puts forward suggestions for applicable improvements. The writing is doctrinal research, and it applies qualitative methodology. Data gathered is based on documentations obtained from library research, statutes and reported and unreported cases. The data is then analysed using content analysis method. Finding proves that fatwas play significant role and its gazettement is required so that it can be a valid reference to the laws. Fatwa which is not gazetted opens the possibility of violations and disobedience that cannot be acted upon; subsequently, it will fail to play its role in enforcing of Syariah criminal offenses in this country. Thus, this writing suggests that the fatwa institution in each state to pay attention and take appropriate measures in gazetting the fatwas to ensure more effective enforcement of Syariah criminal laws.</i></p> <p><i>Keywords: Gazettement, Fatwa, Enforcement, Syariah Criminal Law, Malaysia.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Fatwa merupakan pemberitahuan tentang hukum syarak yang dilakukan oleh seorang Mufti yang mempunyai kewibawaan sebagai jawapan terhadap sesuatu kemusykilan di kalangan masyarakat. Dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, terdapat kesalahan-kesalahan</i></p>

	<p>yang amat berkait rapat dengan keperluan sesuatu fatwa dan pewartannya misalnya kesalahan berhubung dengan akidah. Walau bagaimanapun, terdapat pelanggaran kesalahan akidah yang tidak dapat dikuatkuasakan disebabkan oleh ketiadaan fatwa yang diwartakan mengenainya. Ketiadaan fatwa yang diwartakan bukan sahaja boleh menjejaskan penguatkuasaan kes jenayah syariah bahkan memberi implikasi negatif kepada masyarakat rentetan tindakan undang-undang yang tidak dapat diambil. Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti kepentingan fatwa sebagai instrumen penguatkuasaan jenayah syariah di Malaysia dan kepentingan pewartannya. Selain itu, penulisan ini juga bertujuan untuk menganalisis dari aspek undang-undang dan kes-kes yang diputuskan, seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan yang boleh diaplikasi. Penulisan ini merupakan kajian doktrinal dan menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpul melalui metode dokumentasi yang didapati menerusi kajian perpustakaan, statut dan kes-kes yang dilaporkan atau tidak dilaporkan. Data yang diperolehi ini selanjutnya dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan. Hasil penulisan mendapati fatwa memainkan peranan signifikan dan pewartannya adalah perlu untuk menjadikannya sebagai rujukan kepada undang-undang Syariah. Fatwa yang tidak diwartakan akan membuka peluang kepada pelanggaran dan ketidakpatuhan yang tidak boleh diambil tindakan, seterusnya gagal berperanan dalam membantu dalam usaha penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah di negara ini. Justeru, penulisan ini mencadangkan agar institusi fatwa di setiap negeri sentiasa memandang berat dan mengambil tindakan sewajarnya dalam mewartakan fatwa bagi menjamin penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah yang lebih efektif.</p> <p>Kata Kunci: <i>Pewartaan, Fatwa, Penguatkuasaan, Jenayah Syariah, Malaysia.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Al-Qarḍāwī (1996) mentakrifkan fatwa sebagai memberikan penjelasan hukum syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi sesiapa yang bertanya, baik secara bersendirian ataupun berjamaah. Sementara Wahbah al-Zuhaylī (1996) menjelaskan, fatwa tidak berlaku melainkan untuk memberi jawapan kepada satu situasi yang berlaku dan penjelasan dari seorang *faqih* yang mengetahui tentang hukum kepada perkara yang diperselisihkan itu. Dalam menjelaskan beberapa ayat al-Quran, Maḥmūd Shaltūt (t.th.) menyebut bahawa fatwa adalah penjelasan dan penerangan sama ada berbentuk suruhan atau larangan kepada orang-orang beriman walaupun tidak dimulakan dengan soalan. Fatwa boleh dimulakan dengan soalan dari seseorang yang memerlukan kepada pengetahuan terhadap hukum Allah SWT, lalu ditanyakan berupa soalan supaya penjelasan dan penerangan dapat dijelaskan. Berdasarkan takrifan ini dapat dirumuskan bahawa fatwa ialah satu jawapan, keterangan, penerangan, penjelasan hukum syarak yang ditanya oleh orang sama ada secara perseorangan mahupun ramai. Fatwa ini adalah sumber dan jawapan kepada segala persoalan yang diajukan manakala individu yang menjawab pertanyaan itu dinamakan sebagai mufti. Fatwa tidak semestinya dikeluarkan berdasarkan soalan yang dikemukakan, kerana mufti boleh mengeluarkan fatwa dan memberikan penjelasan kepada permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Ini akan menjadikan fatwa itu meraikan situasi dan permasalahan semasa yang berlaku dalam masyarakat dan memberi ruang jawapan walau tanpa dikemukakan persoalan terlebih dahulu.

Sementara jenayah dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan *al-Jinayah* atau *al-Jarimah*. Dalam perbincangan di dalam teks kitab *turath* dan kontemporari, terdapat dua istilah yang sering digunakan bagi merujuk kepada istilah jenayah syariah iaitu *jarimah* dan *jinayah*. Menurut al-Mawardī (1996), *jarimah* diertikan sebagai larangan syarak yang ditegah oleh Allah dengan hukuman yang ditetapkan (hudud dan qisas) atau takzir. Sementara *jinayah* didefinisikan oleh Ibn Farhun sebagai melakukan perbuatan yang

diharamkan oleh syarak sama ada perbuatan itu dilakukan terhadap nyawa, harta atau selainnya. Nyawa yang dimaksudkan termasuklah anggota badan manusia seperti membunuh, melukai dan memukul (Abdul Qadir 'Audah, 2009). Berdasarkan definisi tersebut, makna *jarimah* adalah lebih umum berbanding *jinayah*. Bagaimana pun, kedua-dua istilah tidak membawa perbezaan maksud yang ketara. Jenayah syariah yang dimaksudkan penulisan ialah kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah enakmen substantif jenayah syariah iaitu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Ia termasuk di bawah kategori kesalahan takzir sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 yang telah menghadkan hukuman kepada denda lima ribu ringgit, tiga tahun pemenjaraan dan enam kali sebatan terhadap semua jenis kesalahan jenayah syariah di negara ini.

### **FATWA DI BAWAH KERANGKA UNDANG-UNDANG**

Pentadbiran dan pengurusan fatwa Malaysia ditadbir melalui statut pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Bagi memastikan institusi fatwa diurus dengan baik dan mengikut undang-undang, peraturan pentadbiran fatwa diwujudkan agar pengurusannya dilihat berperaturan dan mengikut Perlembagaan. Ia hanya boleh dikeluarkan oleh Mufti melalui proses undang-undang bersama anggota Jawatankuasa Fatwa. Ia turut melibatkan Majlis Agama Islam Negeri dan perkenan daripada Sultan sebelum ia diwartakan sebagai fatwa. Ini bagi mengelakkan daripada penyalahgunaan fatwa daripada dikeluarkan oleh mereka yang tidak berautoriti, lebih-lebih lagi apabila melibatkan pandangan hukum dalam permasalahan besar yang melibatkan kepentingan nasional (Abdul Shukor, 2012; & Farid Sufian, 2010).

Sehingga Disember 2022, terdapat dua negeri yang menggubal statut berkaitan fatwa secara khusus iaitu Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 dan Enakmen Fatwa Negeri Sabah 2004. Berbanding negeri lain, peruntukan berkaitan fatwa hanya dimasukkan dalam statut pentadbiran Islam negeri masing-masing.

Fatwa di Malaysia adalah perundangan yang sah menurut Perlembagaan Persekutuan. Walaupun perkataan '*fatwa*' tidak disebut secara literal/harfiyah dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, namun ia boleh difahami secara tidak langsung menerusi frasa '*penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak* dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan di atas juga perlu dibaca bersama Perkara 74(2) dan Perkara 11(3) Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan-peruntukan tersebut, Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada negeri melalui Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam termasuk berkaitan pentadbiran fatwa menerusi statut pentadbiran agama Islam negeri. Contohnya, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan memperuntukkan di Bahagian III mengenai perkara-perkara berkaitan pelantikan mufti dan timbalannya, kuasa mufti, pengeluaran fatwa, bentuk fatwa, pindaan, ubahsuaian dan pembatalan fatwa, jawatankuasa perundingan hukum syarak, permintaan pendapat daripada mufti dan nas-nas yang perlu diikuti dalam pengeluaran sesuatu fatwa. Peruntukan perundangan yang hampir sama juga wujud dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri lain.

Penubuhan institusi ini sama ada di peringkat kebangsaan (Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia [Jawatankuasa Muzakarah MKI]) mahupun negeri adalah satu langkah bagi mewujudkan satu sistem pengurusan dan pentadbiran hal ehwal kefatwaan dalam mengeluarkan hukum-hukum syarak dan fatwa yang baru sebagai panduan kepada masyarakat, rujukan kepada penggubalan dasar-dasar kerajaan dalam isu keagamaan dan membantu institusi kehakiman dalam menyelesaikan pertikaian. Jawatankuasa Muzakarah MKI tidak mengeluarkan fatwa tetapi ia berperanan sebagai badan penyelaras fatwa di peringkat Kebangsaan, keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa disebut sebagai Keputusan atau Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI (Mohd Kamel & Mohd Al- Adib, 2020).

Institusi fatwa ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi pemahaman hukum syarak yang tepat kepada masyarakat. Bermula dari kewujudannya dalam bentuk yang formal di negeri Tanah Melayu sebelum kedatangan British, diperkembangkan kemudiannya dari semasa ke semasa sehingga sekarang dengan beberapa penambahbaikan bagi memastikan fatwa dan institusinya tetap relevan dan berautoriti serta diterima sebagai sumber hukum yang mampu menyelesaikan pelbagai permasalahan umat Islam. Ini menunjukkan bahawa institusi fatwa dan mufti adalah rujukan tertinggi dalam menyelesaikan pertikaian tentang sesuatu hukum syarak (Mohd Kamel & Mohd Al-Adib, 2020; Mohd Kamel et al., 2021).

Dalam konteks Malaysia, fatwa dan mufti bukan sekadar untuk menyelesaikan masalah hukum Islam semasa, tetapi fatwa turut digunakan untuk menyampaikan tafsiran dan pengamalan Islam yang sejajar dengan dasar Kerajaan. Dengan itu, fatwa turut bertindak sebagai lidah rasmi kerajaan tentang Islam dalam beberapa isu. Keputusan muzakarah yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI mempunyai kepentingan nasional dan merangkumi pelbagai bidang seperti akidah, syariah, muamalat, perundangan, perubatan, farmaseutikal, bioteknologi termasuk persoalan politik dan kenegaraan (Mohd Kamel et al., 2021). Pandangan hukum inilah yang akhirnya dibawa ke peringkat negeri untuk difatwa dan diwartakan. Fatwa juga berperanan sebagai sumber rujukan di mahkamah Syariah dan sivil di Malaysia. Menurut Mohd Kamel & Mohd al Adib (2020), banyak perbicaraan kes di kedua-dua mahkamah berkaitan fatwa adalah dirujuk dan dijadikan sebagai autoriti oleh para hakim dalam memutuskan hukum yang menjadi pertikaian pihak-pihak terlibat.

#### **METODOLOGI PEWARTAAN FATWA**

Secara umumnya, prosedur atau tatacara pengeluaran fatwa yang dianggap sebagai fatwa rasmi dan diwartakan ini dilihat sama dan selaras bagi semua Negeri di Malaysia yang menetapkan bahawa fatwa yang hendak dikeluarkan itu mestilah atas titah Yang di-Pertuan Agong/Duli Yang Maha Mulia Sultan, kehendak sendiri mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri seterusnya atas permintaan mana-mana orang yang dibuat secara bertulis kepada Mufti atau Jawatankuasa Fatwa Negeri diputuskan secara jamaie oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk difatwa dan diwartakan. Seterusnya pemakluman kepada Majlis Agama Islam Negeri keputusan fatwa yang dipersetujui dan urusetia Jawatankuasa Fatwa mengarang teks atau sifah fatwa untuk disemak dan disahkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong/Duli Yang Maha Mulia Sultan/Majlis Agama Islam Negeri untuk fatwa itu diwartakan. Selepas mendapat perkenan barulah fatwa tersebut disiarkan dalam Warta Negeri untuk menjadi fatwa yang muktamad dan membuat hebahan awam fatwa yang diwartakan.

Prosedur dan tatacara pengeluaran fatwa ini adalah rangkuman daripada semua Akta, Enakmen, Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri seluruh Malaysia yang berkaitan dengan fatwa. Ia turut menggambarkan kaedah bagaimana fatwa tersebut diwartakan. Fatwa yang tidak diwartakan boleh sahaja diistilahkan sebagai fatwa tidak rasmi, iaitu pandangan hukum atau fatwa yang tidak mengikuti prosedur atau tatacara seperti yang dijelaskan sebelum ini. Biasanya fatwa yang dikeluarkan ini hasil perbincangan dan ijtihad secara jamaie yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri sama ada melalui kehendak Mufti dan Jawatankuasa, atau permintaan mana-mana orang bagi fatwa tersebut dikeluarkan. Fatwa jenis ini dipersetujui di peringkat Jawatankuasa sebagai fatwa tetapi tidak menjalani prosedur ketat seperti fatwa yang diwartakan itu. Mana-mana pandangan hukum/ fatwa yang tidak mengalami proses yang dinyatakan di atas dianggap sebagai fatwa yang tidak diwartakan. Fatwa jenis ini agak sukar untuk dijadikan hujah atau rujukan di mahkamah kerana ia bersifat pandangan peribadi mufti dan menjadi panduan umum masyarakat Islam sahaja dan ia tidak mengikat orang-orang Islam. Buat masa ini, semua Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri memperuntukkan bahawa hanya fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti bersama-sama Jawatankuasa Fatwa Negeri dan diwartakan adalah fatwa yang dianggap sebagai sah dan berautoriti untuk diterima sebagai fatwa.

Pewartaan fatwa adalah suatu peruntukan undang-undang yang dibuat menerusi peruntukan perundangan Islam yang jelas di peringkat negeri (Mohamed Azam Mohamed Adil, 2014; 2012; Abdul Shukor Husin, 2012; Harussani Zakaria, 2012; Farahwahida Mohd Yusof, 2011; Mahamad Naser Disa, 2011; Arik Sanusi Yeop Johari, 2010; Farid Sufian Shuaib, 2010; Hasnan Kasan, 2008; Abdul Monir Yaacob, 2005; Zaini Nasohah, 2005; Mazni Abdul Wahab, 2004; Abdul Samat Musa, 2006). Peruntukan ini tidak terdapat di mana-mana negara lain dan Malaysia dianggap sebuah negara yang unik dan dianggap satu-satunya negara di dunia yang membuat pewartaan fatwa bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang yang mengikat dari sudut perundangan syariah (Mohd Kamel & Mohd Al-Adib, 2020).

Fatwa yang diwartakan mempunyai implikasi undang-undang kerana dikeluarkan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (Zaini & Nur Hazirah, 2022; Mohd. Kamel & Mohd Al-Adib, 2021; Muna Hamzan, 2021; Zanariah Dimon, 2020). Pewartaan fatwa juga penting untuk melancarkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan bagi memelihara kesucian agama dari diseleweng dan disalahguna.

Fatwa yang tidak diwartakan akan sentiasa terbuka untuk dilanggar dan tidak dipatuhi. Malah ia akan gagal berperanan dalam membantu usaha penguatkuasaan dan pendakwaan di mahkamah syariah bagi kes kesalahan melanggar fatwa. Kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang jenayah syariah dan memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam menguatkuasa suatu fatwa yang diwartakan bagi mendakwa orang Islam yang terlibat dalam pelanggaran undang-undang syarak sebagai pesalah jenayah. Fatwa yang tidak diwartakan, tidak mengikat orang Islam untuk mematuhi dan pihak berkuasa juga tidak boleh mengenakan tindakan kepada mana-mana pihak yang mengingkari pendapat mufti tersebut (Zanariah Dimon, 2020; Farahwahida Mohd Yusof, 2011). Majlis juga boleh mengadakan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dalam penguatkuasaan undang-undang ini jika didapati ada unsur-unsur jenayah atau kesalahan yang ada kaitan dengan undang-undang semasa (Farahwahida Mohd Yusof, 2011).

Data ini menunjukkan bahawa tindakan dari sudut perundangan sukar untuk diambil dan ini memberi ruang kepada pengikut ajaran salah menimbulkan isu-isu bersifat teknikal semasa perbicaraan di mahkamah (Norliah Sajuri, 2014). Jika kesalahan itu melibatkan fatwa yang diwartakan, pihak penguat kuasa boleh melakukan tangkapan mengikut prosedur yang ditetapkan. Maka sekiranya berlaku perbuatan mana-mana orang Islam yang melanggar fatwa yang telah diwarta, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan melalui proses aduan, siasatan, tangkapan dan pendakwaan. Ia melibatkan bidang kuasa Penguat kuasa Agama dan Pendakwa Syarie di setiap negeri (Zanariah Dimon, 2020). Jika fatwa tidak diwartakan, sebarang tindakan penguatkuasaan tidak memberi apa-apa kesan perundangan. Situasi yang dinyatakan ini memberi maksud terhakisnya nilai autoriti fatwa yang tidak memberi sebarang kekuatan dari sudut perundangan boleh diandaikan berpunca dari faktor fatwa yang tidak diwartakan.

### **KESALAHAN JENAYAH SYARIAH BERHUBUNG DENGAN FATWA**

Terdapat dua kategori kesalahan jenayah syariah berhubung dengan fatwa sama ada secara langsung atau tidak langsung yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di setiap negeri, iaitu:

#### **Kesalahan-Kesalahan yang Melibatkan Pelanggaran terhadap Fatwa**

Kategori ini meliputi kesalahan-kesalahan yang berhubung secara langsung dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Mufti sesebuah negeri. Walau bagaimanapun, fatwa yang dikeluarkan hendaklah telah diwartakan terlebih dahulu sebelum boleh dikuatkuasakan sebagai pelanggaran sesesuat fatwa. Antara kesalahan yang diperuntukkan termasuk di bawah kategori ini ialah kesalahan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa yang diperuntukkan melalui seksyen 12 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-

Wilayah Persekutuan) 1997 dan seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Di bawah peruntukan ini sesiapa yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa adalah melakukan suatu kesalahan. di bawah seksyen 51 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992. Peruntukan ini menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan apabila seseorang memberi, menghebahkan atau mengembangkan apa-apa pandangan untuk diikuti oleh orang Islam mengenai apa-apa soalan, ajaran Islam atau Hukum Syarak, berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah oleh Mufti di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 2003.

Seterusnya ialah kesalahan mengeluarkan fatwa yang tidak sah sebagaimana yang diperuntukkan di seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh sama ada secara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan fatwa mengenai agama Islam atau hukum syarak kecuali Mufti atau Jawatankuasa Fatwa. Sementara itu, negeri Perlis telah memperuntukkan mana-mana orang sama ada dengan cara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan atau difahamkan membuat dan mengeluarkan apa-apa fatwa yang rasmi mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan hukum syarak, adalah bersalah yang disebut di bawah seksyen 35, Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991. Pengecualian diberikan terhadap Majlis atau orang-orang yang menjalankan tugas di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Begitu juga peruntukan tersebut tidak boleh dikenakan jika seseorang itu cuma memberi fikirannya atas mana-mana perkara yang berkaitan dengan hukum syarak atau adat istiadat Melayu. Peruntukan-peruntukan ini melarang sesiapa yang tidak diberikan kuasa menurut undang-undang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa yang bertentangan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti.

Kesalahan yang juga termasuk di bawah kategori ini ialah kesalahan menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari mufti melalui fatwa. Sebagai contoh peruntukan di bawah seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang menyebut mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan. Peruntukan yang hampir sama juga boleh ditemui melalui seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan seksyen 59 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992. Oleh itu, sesuatu perbuatan yang mengingkari fatwa berkuatkuasa adalah menjadi satu kesalahan penghinaan terhadap pihak berkuasa agama tempatan.

Disamping kesalahan-kesalahan diatas, kesalahan berhubung doktrin palsu juga termasuk dibawah kesalahan yang melibatkan pelanggaran fatwa. Kesalahan ini boleh dilihat melalui seksyen 4 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Di bawah peruntukan ini sesiapa yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan dengan syarat bahawa doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan hukum syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa.

Selain itu, menerusi seksyen 54 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, kesalahan penerbitan agama yang berlawanan dengan hukum syarak juga termasuk dalam kategori kesalahan ini. Peruntukan tersebut menyebut bahawa mana-mana orang yang mencetak, menerbit atau membahagi untuk jualan atau dengan jalan yang lain, atau sesiapa yang ada dalam pemilikan sesuatu buku, risalah atau dokumen yang memberi atau dimaksudkan memberi pengajaran atau mana-mana fatwa mengenai apa-apa perkara Hukum Syarak, jika buku atau dokumen itu mengandungi sesuatu perkara yang berlawanan atau bersalahan kepada qaul-qaul Mazhab Shafie, Hanafi, Maliki atau Hambali

atau kepada sesuatu fatwa yang sah dikeluarkan oleh Mufti di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 2003 adalah melakukan satu kesalahan. Dengan syarat bahawa buku, risalah, dokumen atau penerbitan tersebut telah diharamkan percetakan, penerbitan atau pengedarannya untuk jualan atau pemilikannya oleh Kementerian Dalam Negeri di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Peruntukan ini menyatakan dengan jelas pelanggaran fatwa sebagai salah satu intipati kesalahan yang boleh didakwa.

### **Kesalahan-Kesalahan yang Memerlukan Autoriti Fatwa**

Kesalahan-kesalahan yang termasuk di bawah kategori ini merupakan kesalahan yang tidak menyentuh secara langsung berhubung fatwa sebaliknya memerlukan fatwa sebagai autoriti. Bagi kategori ini fatwa yang diwartakan akan membantu mengukuhkan keterangan pihak pendakwa. Antaranya ialah kesalahan pemujaan atau pemujaan salah sebagaimana yang dinyatakan melalui seksyen 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 4 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan melalui seksyen 47 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992. Peruntukan-peruntukan ini melarang mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak. Kesalahan ini mempunyai hubung kait dengan sesuatu ajaran yang berbentuk pemujaan yang boleh dinyatakan melalui sesuatu fatwa.

Disamping itu kesalahan perbuatan atau ajaran salah sebagaimana yang dinyatakan melalui seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 juga memerlukan fatwa sebagai autoriti bagi menguatkuasakannya. Melalui peruntukan ini, mana-mana orang yang mengajar Agama Islam atau menghuraikan perkara yang sama kepada seseorang atau sekumpulan orang di tempat awam atau sebaliknya atau menjalankan sesuatu upacara atau sesuatu perbuatan yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah menjadi satu kesalahan. Walaupun peruntukan ini menyamai dengan kesalahan doktrin palsu, tetapi klausa peruntukan ini tidak mensyaratkan wujudnya perbuatan yang bertentangan dengan fatwa sebagai intipati kesalahan. Walau bagaimanapun, fatwa masih diperlukan sebagai autoriti bagi menguatkan keterangan pihak pendakwa.

Fatwa juga boleh membantu dalam penguatkuasaan kesalahan mengembangkan doktrin agama seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 5 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001. Melalui peruntukan ini mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan. Selain itu penguatkuasaan bagi kesalahan dakwaan palsu juga akan lebih berkesan dengan adanya fatwa berhubung dengan sesuatu ajaran berkaitan dikeluarkan. Di bawah seksyen 6 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan terhadap mana-mana orang yang mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali; atau menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam. Peruntukan yang serupa juga dinyatakan menerusi seksyen 8 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan melalui seksyen 6 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001.

Walaupun kesalahan penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak di Negeri Sembilan termasuk di bawah kategori kesalahan yang melibatkan pelanggaran terhadap fatwa, namun di bawah seksyen 13 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, klausa

fatwa tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun, kewujudkan fatwa masih diperlukan bagi menguatkan lagi autoriti bagi penguatkuasaannya.

### ANALISIS KES-KES

Kes-kes jenayah syariah yang berkaitan fatwa lazimnya adalah merupakan kesalahan berhubung dengan akidah. Dalam kes *Sulaiman Takrib Iwn Kerajaan Negeri Terengganu [2009] 2 CLJ 54*, tertuduh telah dituduh melakukan kesalahan di bawah seksyen 10 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 kerana telah mengingkari atau tidak mematuhi fatwa, yang telah diterbitkan dalam warta kerajaan bagi negeri Terengganu pada 4 Disember 1997, dan kesalahan di bawah seksyen 14 Enakmen yang sama kerana memiliki VCD yang mengandungi bahan bertentangan dengan hukum syarak atau '*the precepts of Islam*'. Sementara menunggu perbicaraannya, tertuduh telah memfailkan petisyen di Mahkamah Persekutuan. Tertuduh iaitu pempetisyen telah memohon deklarasi bahawa seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, seksyen 10 dan 14 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, yang telah digubal oleh Dewan Perundangan Negeri Terengganu, adalah terbatal dan tidak sah kerana tiada kuasa untuk membuat peruntukan-peruntukan sedemikian. Bahkan, meskipun Jawatankuasa Fatwa mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa-fatwa selepas melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan, setiap fatwa perlu diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan kemudian kerajaan negeri akan dimaklumkan tentang fatwa tersebut sebelum ia diterbitkan dalam Warta dan mengikat setiap Muslim dalam negeri itu.


Sidang Mahkamah Persekutuan yang diketuai Abdul Hamid Mohamad telah menolak petisyen tersebut. Mahkamah menghujahkan bahawa walaupun Jawatankuasa Fatwa boleh memberikan fatwanya tentang apa-apa persoalan berkaitan undang-undang Islam, bukan semua pendapatnya boleh dijadikan kesalahan-kesalahan kerana pengingkaran yang berikut. Hanya fatwa-fatwa yang telah melalui proses yang diperuntukkan oleh seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 adalah mengikat. Oleh itu, bukan Jawatankuasa Fatwa yang mengisytiharkan fatwa itu mengikat dan mempunyai kuasa undang-undang. Mahkamah juga berpendapat bahawa fatwa itu sendiri bukan satu kesalahan. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah tindakan-tindakan yang dilarang oleh seksyen 10 dan 14 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, dan Enakmen adalah statut yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri Terengganu yang mempunyai kuasa untuk membentuk kesalahan-kesalahan terhadap Muslim, seperti yang diperuntukkan dalam item 1 Senarai II (Senarai Negeri) kepada Jadual ke-9. Oleh itu adalah tidak wajar untuk mengatakan bahawa Dewan Perundangan Negeri Terengganu telah memberikan kuasa kepada Jawatankuasa Fatwa untuk membentuk kesalahan-kesalahan. Tambahan pula, Dewan Perundangan Negeri Terengganu boleh dari semasa ke semasa memansuhkan seksyen-seksyen yang disebutkan atau kedua-dua enakmen tersebut. Ini menunjukkan Dewan Perundangan Negeri Terengganu mempunyai kuasa. Berdasarkan kes ini, pelanggaran sesuatu fatwa yang diwartakan tidak menjadi kesalahan melainkan ia diperuntukkan dalam undang-undang yang menjadi punca kuasa kesalahan. Oleh yang demikian peruntukan undang-undang dan fatwa yang diwartakan perlu seiring dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negara ni.

Di samping itu, merujuk kes *Pendakwa Syarie Selangor v Abdul Kahar bin Ahmad [2009] 29(1) JH 100*, yang mana tertuduh telah dipertuduhkan dengan lima kesalahan iaitu kesalahan mengajar doktrin palsu, membuat dakwaan palsu dengan mengisytiharkan diri sebagai rasul, menghina agama Islam, mengingkari arahan pihak berkuasa agama dan memberi pendapat yang bertentangan dengan fatwa. Negeri Selangor telah mengeluarkan fatwa berhubung ajaran Ajaran Haji Kahar Bin Ahmad yang difatwakan sesat pada 28 Mac 1991 dan diwartakan pada 29 Ogos 1991 oleh Majlis Fatwa Negeri Selangor. Kes ini menunjukkan bahawa pewartaan sesuatu fatwa amat penting dan tidak boleh diabaikan dalam penguatkuasaan jenayah syariah di Malaysia.

Walau bagaimanapun, isu fatwa yang tidak diwartakan seringkali menjadi halangan dalam penguatkuasaan kesalahan-kesalahan akidah secara lebih efektif. Sebagai contoh kes *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Baharin Salleh (No. Kes: 05003-137-0081-2016)* yang merupakan pengasas ajaran Pakcu Baharin yang ditangkap pada tahun 2016 di Kuala Pilah. Tertuduh tidak didakwa dengan kesalahan ajaran salah dan beberapa kesalahan lain kerana tidak adanya fatwa yang diwartakan berkaitan pengharaman ajaran tersebut ketika itu. Sebaliknya tertuduh hanya dipertuduhkan dengan kesalahan mengajar tanpa tauliah yang mana hukuman yang diperuntukkan lebih rendah. Situasi yang sama berlaku dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Fuat Mohd Hashim (No. Kes 05007-137-0202-2019)* yang mana tertuduh merupakan pengikut ajaran Millah Abraham yang ditangkap di sebuah rumah di Tampin pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, disebabkan masalah ketiadaan fatwa yang diwartakan berhubung ajaran tersebut, tertuduh hanya didakwa dengan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah. Berdasarkan kes-kes ini dapat difahami bahawa fatwa yang diwartakan merupakan satu bentuk keterangan yang kukuh dan menjadi asas kepada penguatkuasaan kesalahan berkaitan akidah. Oleh yang demikian sesuatu ajaran yang dikesan menyimpang dari akidah yang sebenar perlu difatwakan dan diwartakan dengan kadar segera supaya isu sebegini tidak berlarutan pada masa akan datang. Ini memerlukan kerjasama erat antara pihak penguatkuasa agama dan pejabat mufti negeri-negeri. Pihak penguatkuasa lazimnya berperanan sebagai badan yang melaksanakan intipan dan sisatan ke atas individu atau kumpulan yang berpotensi menjadi penyebar ajaran sesat. Maklumat intipan dan siasatan ini kemudiannya disalurkan kepada pejabat mufti supaya fatwa mengenainya boleh dikeluarkan dan seterusnya digazetkan. Kerjasama ini pastinya akan mengawal penyebaran ajaran sesat atau apa-apa kesalahan yang menyalahi fatwa melalui tindakan pendakwaan di mahkamah Syariah.

#### DAPATAN

Penulisan ini mendapati fatwa yang diwartakan memainkan peranan yang sangat signifikan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Kepentingan tersebut boleh dilihat melalui rajah berikut:



Rajah 1: Peranan Fatwa Dalam Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah

Rajah di atas menunjukkan bahawa fatwa berperanan penting dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah apabila diwartakan kerana ia bersifat undang-undang yang perlu dipatuhi. Hanya fatwa yang diwartakan boleh mengikat orang Islam di sesuatu negeri dan orang Islam berkewajipan untuk mematuhi. Fatwa yang diwartakan ini juga penting dari sudut implikasi perundangan terhadap orang Islam yang

gagal mematuhi fatwa yang diwartakan dan undang-undang yang berkuatkuasa. Tindakan undang-undang hanya boleh diambil sekiranya sesuatu fatwa itu diwartakan. Kesemua kepentingan adalah ini berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah yang berkesan.

Di samping itu, pewartaan fatwa adalah penting bagi membantu pihak penguatkuasaan dalam mendapatkan bukti yang kukuh untuk pihak pendakwaan mengemukakannya kepada mahkamah. Ini kerana beban pembuktian adalah terletak atas tanggungjawab pihak pendakwaan dan keterangan yang dikemukakan terhasil melalui siasatan pihak Penguatkuasa Agama. Tanpa bukti dan keterangan yang kukuh adalah sukar untuk pihak yang berkaitan untuk mengemukakan dakwaan (Suhaizad & Jasri, 2014). Sabitan bersalah atau sebaliknya adalah bergantung kepada keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan dan pembelaan. Keterangan atau pembuktian yang dikemukakan ini penting dalam membantu hakim mencari kebenaran dan menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama (Suhaizad et al., 2021). Fatwa diwartakan juga menjadi autoriti dan rujukan di mahkamah. Fatwa yang diwartakan menjadi autoriti yang termasuk dibawah keterangan dokumentar menurut undang-undang keterangan. Ia juga membantu pihak Mufti dalam mengemukakan keterangan pakar di mahkamah dengan merujuk kepada fatwa yang diwartakan sebagai autoriti kes. Fatwa yang diwartakan dan dikemukakan kepada mahkamah akan membantu keterangan mendapai darjah pembuktian yang diperlukan. Hal ini kerana keadilan tidak dapat dicapai tanpa pemakaian darjah pembuktian yang sebenar. Kegagalan menggunakan darjah pembuktian yang betul boleh mengakibatkan berlakunya ketidakadilan (Suhaizad et al., 2024). Konklusinya, dengan adanya fatwa yang diwartakan ini akan memperkukuhkan lagi aspek keterangan di mahkamah seterusnya membantu mahkamah membuat keputusan yang adil dan saksama.

## **KESIMPULAN**

Penulisan ini menyimpulkan bahawa fatwa memainkan peranan yang signifikan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia khususnya bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan akidah. Bagi penguatkuasaan yang berkesan, pewartaan fatwa amat penting dan fatwa yang tidak diwartakan akan membuka peluang kepada pelanggaran dan ketidakpatuhan seterusnya gagal berperanan dalam membantu dalam usaha penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah di negara ini. Oleh kerana bidangkuasa fatwa hanya terhad kepada sesebuah negeri, dicadangkan agar institusi fatwa di setiap negeri sentiasa mengambil tindakan sewajarnya dalam mewartakan fatwa bagi menjamin penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah yang lebih berkesan.

## **RUJUKAN**

### **Akta dan Enakmen**

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]
- Enakmen Fatwa Negeri Sabah (2004).
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994).
- Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah Darul Aman (2008).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka (2002).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (2006).

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (1991).  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah (1992).  
Ordinan Majlis Islam Sarawak (2001).

### Buku

'Audah, A.Q. (2009). *al-Tashrī' al- Jinā'ī al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.  
al-Mawardī, A.H.A. (1911). *Al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Kaherah: Maktabah Al-Sa'dah.  
al-Qardāwī, Y. (1996). *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan. Terj.* Batu Caves: Thinker's Library.  
al-Zuhaylī, W. (1996). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Dimashq: Dar al-Fikr.  
Maḥmūd Shalṭūt. (t.t). *al-Fatāwa*. al-Qahirah: Dār al-Qalam.  
Mat Salleh, M.K & Samuri. M.A.A. (2020). *Autoriti Fatwa & Pendapat Mufti dalam Undang-Undang di Malaysia*. Bangi: UKM Press.  
Mohd Yusof, F. (2011). *Fatwa, Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia*. Skudai: UTM Press.  
Musa, A.S. Abdul Aziz, A, M. Harun, H. & Nik Saleh, N.S. (2006). *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*. (Sunt). Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.  
Shuaib, F.S. (2010). *Administration of Islamic Law in Malaysia*. Petaling Jaya: LexisNexis.  
Yeop Johari, A.S. (2010). *Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan dari Aspek Perundangan. Monograf al-Ifta'*, 1(7).

### Jurnal

Abdul Wahab, M. (2004). *Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya. Jurnal Syariah*, 12(2), 123-147.  
Hamzan, M. (2021). *Prosedur Pewartaan Fatwa Ajaran Salah Berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dalam Menangani Isu Penyelewangan Akidah di Negeri Kelantan. International Journal of al-Quran and Knowledge*, 1(2). 26-38.  
Mat Salleh, M.K, Bahori, A. & Yahya, M.A. (2021). *Position of Fatwa in The Constitution: A Legal Analysis. Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 29(4), 2171-2188.  
Mohamed Azam, M. A. (2014). *Penyelarasan Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan. Jurnal Hukum*, 38 (1), 1-16.  
Saifuddin, S. & Jamal, J. (2015). *Keperluan Memperkasakan Undang-undang. Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat di Negeri Sembilan: Satu Kajian. Jurnal Hukum*, 39 (2), 133-164.  
Saifuddin, S. Mohd Shariff, A. A., Md. Said, M.H. & Yahya, M.A. (2021). *Kepentingan Aspek Keterangan dalam Penulisan Alasan Penghakiman Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis. Islamiyyat*, 43, 67-77.  
Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Yahya, M. A., Abd Rahman, M. R., & Hashim, F. Y. (2024). *Examining The Application of Standard of Proof in Criminal Cases: A Comparative Analysis of Islamic Law and Common Law in Malaysia. Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11-22.

### Kes

Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Fuat Mohd Hashim (No. Kes 05007-137-0202-2019).  
Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Baharin Salleh (No. Kes: 05003-137-0081-2016).  
Pendakwa Syarie Selangor v Abdul Kahar bin Ahmad [2009] 29(1) JH 100.  
Sulaiman Takrib lwn Kerajaan Negeri Terengganu [2009] 2 CLJ 54.

**Seminar**

Husin, A.S. (2012). *Ke Arah Penyelarasan Fatwa di Malaysia*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Nilai Negeri Sembilan, 12 April.

Zakaria, H. (2012). *Penjelasan Terhadap Isu Kekeliruan Fatwa yang Diwartakan*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Nilai Negeri Sembilan, 12 April.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*